

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Al-Quran merupakan wahyu terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Ianya merupakan mukjizat terbesar yang dikurniakan oleh Allah SWT terhadap Rasul-Nya bagi memberi petunjuk kepada umat manusia. Ini dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran:

يَتَأْمِنُّا الْنَّاسُ قَدْ جَاءَكُمُ الرَّسُولُ بِالْحَقِّ مِنْ رَّبِّكُمْ فَإِمْنُوا خَيْرًا  
لَّكُمْ وَإِنْ تَكُفُّرُوا فَإِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ  
عَلِيمًا حَكِيمًا

*Surah al-Nisa' (4): 170*

Maksudnya:

“Wahai manusia, sesungguhnya telah Kami datangkan seorang Rasul (Muhammad SAW) kepada kamu dengan membawa kebenaran iaitu hidayah dari Tuhan kamu, maka berimanlah kamu, iaitu yang lebih baik bagi kamu. Dan jika kamu kafir, (maka kekaifran itu tidak merugikan Allah SWT sedikit pun) kerana sesungguhnya apa yang dilangit dan di bumi itu adalah kepunyaan Allah SWT. Dan Allah SWT Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

Al-Quran juga menjadi panduan serta rujukan manusia abad ini. Al-Quran merupakan sumber utama perundangan Islam. Ianya berperanan dalam memberi

penerangan dan perlaksanaan terhadap kehidupan sehari-hari manusia di muka bumi ini.

Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s lebih kurang 14 kurun yang lalu, namun ia tetap kekal tanpa ada sebarang perubahan. Malah keasliannya sentiasa dijamin dan dipelihara oleh Allah SWT sehingga ke saat ini. Allah SWT telah berfirman:

إِنَّا هُنَّ نَزَّلْنَا عَلَيْكُمْ مِّنَ الْكِتَابِ مَا نَرِيدُ لَهُ حَفْظُونَ ﴿١٥﴾

*Surah al-Hijr,(15): 9*

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Dhikr(al-Quran) dan sesungguhnya Kamilah yang memeliharanya”.

Allah SWT telah memberi jaminan bahawa al-Quran tetap kekal dengan keaslian nasnya sejak diturunkan hingga sekarang.<sup>1</sup> Orang yang pertama sekali yang mendapat penghormatan untuk melakukan kerja mengumpul al-Quran dengan makna serta menghafaznya di dalam dada ialah Rasulullah SAW sendiri. Oleh itu, baginda dianggap sebagai penghulu atau orang yang pertama mengingati serta menghafaz al-Quran dan baginda amat menggalakkan para sahabatnya supaya menghafaz al-Quran setiap kali wahyu diturunkan kepada baginda. Selepas itu barulah amalan ini diikuti oleh generasi sahabat, tabi'in, tabi' tabi'in sehingga ke hari ini dengan tertubuhnya maahad-maahad tahniz di negara Malaysia.

---

<sup>1</sup> Ismail Muhammad al-Muqri', Khairul Anuar Muhamad al-Bakri, (2003) *Tahap-Tahap Menghafal al-Quran .Kertas Kerja VI dalam Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan*. 17 Mei. Anjuran Fakulti Pengajian al-Quran & Sunnah KUIM.

Umat Islam terkenal sebagai umat yang sentiasa peka serta berusaha ke arah memelihara kesucian *al-Quran al-Karīm*. Buktinya usaha yang dilakukan telah mewujudkan maahad-maahad tahfiz yang banyak di seluruh pelusuk dunia termasuk Malaysia.

Di Malaysia, maahad tahfiz memainkan peranan yang besar dalam perkembangan pengajian al-Quran terutamanya dari sektor hafazan dan *Qirā'āt*. Maahad Tahfiz al-Quran (MTAQ) di Malaysia ingin merealisasikan falsafah pendidikan secara bersepadu di samping melahirkan para huffaz yang berketerampilan dalam semua bidang. Ia juga bertujuan melahirkan para huffaz yang mahir dengan isi kandungan al-Quran, berilmu, beramal dan bertaqwah serta efisyen tentang isi kandungan al-Quran sekaligus merealisasikan pengajarannya dalam masyarakat.

Kewujudan MTAQ telah banyak membantu kerajaan terutamanya Kementerian Pelajaran dan Majlis-majlis Agama negeri dalam memantapkan sistem pengajian Islam dan pengajian al-Quran yang bersepadu dengan subjek akademik yang lain selaras dengan matlamat melahirkan pelajar yang menguasai dua bidang dunia dan akhirat atau dalam erti kata yang lain menguasai ilmu fardu ‘ain dan fardu kifayah.

Namun kewujudan MTAQ sejak kebelakangan ini telah mewarnai sebahagian daripada rekod kecemerlangan pendidikan negara hasil kejayaan sebilangan MTAQ meraih kecemerlangan dalam peperiksaan yang dijalankan oleh

Kementerian Pelajaran Malaysia. Fenomena ini mengundang minat sesetengah kalangan untuk mengetahui apakah rahsia di sebalik kecemerlangan tersebut memandangkan tanggapan sesetengah pihak bahawa hafazan al-Quran yang terlalu banyak (seluruh al-Quran) dalam sibus pelajaran MTAQ sudah tentu akan menjadi beban akademik yang besar terhadap para pelajar dan keadaan ini sudah tentu akan menyebabkan mereka tidak mampu untuk memberikan tumpuan kepada bidang akademik. Namun, tanggapan sebegini kelihatan meleset setelah pelajar-pelajar MTAQ berjaya membuktikan kemampuan mereka meraih kecemerlangan dalam hafazan al-Quran dan dalam masa yang sama mampu meraih kecemerlangan dalam bidang akademik. Selain MTAQ, sekolah-sekolah agama negeri seperti sekolah-sekolah agama kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga meraih kejayaan yang cemerlang dalam akademik dan sahsiah. Hafazan al-Quran adalah sebahagian daripada ramuan utama yang disajikan kepada pelajar-pelajar disesetengah sekolah agama kelolaan JAIS. Keadaan ini membuktikan bahawa hafazan al-Quran tidak menghalang kecemerlangan akademik pelajar malah membantu mereka lebih cemerlang lagi.

Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan (MTAQPC) adalah salah sebuah daripada MTAQ di negara ini yang telah berjaya meletakkan namanya sebarisan dengan sekolah-sekolah lain dari segi pencapaian akademik. Kelebihan MTAQPC yang nyata tidak dimiliki oleh pelajar-pelajar sekolah lain ialah melalui hafazan al-Quran itu sendiri dan memiliki kecemerlangan sahsiah yang jarang dimiliki oleh pelajar-pelajar sekolah biasa. Ramai pelajar sekolah biasa cemerlang

dalam akademik tetapi lemah dari segi sahsiah dan penghayatan Islam atau sebaliknya.

Justeru, fenomena ini wajar dikaji secara akademik untuk mengenal pasti serta menilai kelebihan yang diperolehi oleh seorang yang bergelar *huffāz al-Quran* atau sinonimnya pada masyarakat di Malaysia dengan gelaran “*al-hāfiẓ*” yang cemerlang dalam hafazan al-Quran dan dalam waktu yang sama juga mampu cemerlang dalam akademik dan sahsiah. Maka penulisan ini mencadangkan agar kajian dilakukan terhadap Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan (MTAQPC).

## **1.2 PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan latar belakang yang dipaparkan di atas, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- (1) Apakah metode pengajian hafazan al-Quran yang diguna pakai di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan (MTAQPC) sehingga mampu melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik dan sahsiah.
- (2) Apakah wujud hubungkait yang rapat di antara hafalan al-Quran dengan kecemerlangan pelajar dalam proses pembelajaran dan pendidikan mereka di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan (MTAQPC).

- (3) Adakah metode hafalan al-Quran di MTAQPC memberi kesan positif terhadap aspek kecemerlangan pelajar terutamanya dalam mata pelajaran akademik selain daripada al-Quran dan al-Qiraat.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif iaitu :

- (1) Mengenal pasti metode yang diguna pakai oleh Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan (MTAQPC) dalam pendidikan dan proses pembelajaran sehingga mampu menghasilkan pelajar yang cemerlang.
- (2) Mengetahui ciri-ciri kecemerlangan pelajar Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan (MTAQPC) yang mempunyai ilmu pengetahuan, beramal salih, bertaqwa kepada Allah SWT, berakhhlak mulia dan menjadi *role model* kepada masyarakat.
- (3) Mengemukakan pendedahan kepada masyarakat tentang keberkesanan hafalan al-Quran dalam membentuk kecemerlangan pendidikan dan sahsiah pelajar.

## **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Penyelidik berpendapat kajian ini dapat memberi manfaat kepada pelajar, ibu bapa, pendidik di institusi-institusi yang terlibat bagi memantapkan lagi metode hafalan dan sistem pembelajaran yang sedia ada.

Ia juga dapat menolong kerajaan Malaysia secara am dan khususnya kepada institut tahfiz bagi menyediakan kerangka pendidikan yang lebih efisen dan usaha mereka bagi melahirkan lebih ramai huffaz du'at yang cemerlang pada masa akan datang. Institusi tahfiz dan bahagian pengajian al-Quran dapat mengambil kaedah dan sistem yang lebih sistematik untuk diaplikasikan dalam proses pendidikan yang sedang dilaksanakan dan juga dapat memberi pendedahan bahawa ia mempunyai peranan yang besar dalam usaha melahirkan generasi al-Quran yang dapat menerajui kepimpinan ummah.

Generasi al-Quran yang telah wujud kini bukan sahaja mampu dalam bidang agama bahkan juga berkebolehan dalam pelbagai profesi yang sama-sama dapat diimarahkan kemampuan mereka untuk pembangunan ummah berbekalkan kecemerlangan yang mereka miliki.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Dari aspek lokasi kajian ini hanya akan memfokuskan kajiannya di MTAQPC sahaja. Justeru, keseluruhan responden kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar, bekas pelajar, guru dan bekas guru MTAQPC serta individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan MTAQPC. Manakala untuk tujuan pengukuran hubung kait antara hafazan dan kecemerlangan, maka hanya pelajar-pelajar yang telah menduduki peperiksaan pada peringkat sijil SMU, SPM STAM/STTQ. Sementara dari aspek *mawdū‘* pula, kajian ini hanya akan menumpukan dan membataskan kesan hafazan al-Quran terhadap kecemerlangan pelajar-pelajar MTAQPC. Kecemerlangan yang akan diukur bukan hanya kecemerlangan dari aspek pencapaian akademik semata-mata malah kecemerlangan dari aspek sahsiah dan penghayatan agama.

## **1.6 HIPOTESIS KAJIAN**

Kajian ini mengandaikan beberapa keputusan yang bakal dicapai hasil daripada kaji selidik yang dilakukan iaitu :

- (1) Bahawa ada hubung kait yang rapat di antara hafazan al-Quran dengan kecemerlangan sama ada kecemerlangan akademik mahupun kecemerlangan sahsiah. Justeru itu, kecemerlangan pelajar MTAQPC

meliputi ilmu pengetahuan, amal salih, ketaqwaan kepada Allah s.w.t, akhlak yang mulia dan mampu menjadi *role model* kepada masyarakat.

- (2) Membuktikan wujud hubung kait yang rapat antara hafazan al-Quran yang dijadikan asas pendidikan di MTAQPC dengan proses pembelajaran sehingga mampu melahirkan pelajar-pelajarnya yang cemerlang.
- (3) Iaitu bahawa MTAQPC mempunyai metode hafazan al-Quran dan sistem pembelajaran yang sangat berkesan dan mampu melahirkan pelajar tahfiz al-Quran yang cemerlang dalam pendidikan.

## **1.7 KAJIAN TERDAHULU (*LITERATURE REVIEW*)**

Hasil daripada pembacaan dan kajian yang telah dibuat, didapati terdapat beberapa kajian tentang al-Quran telah dilakukan oleh sebilangan penyelidik terdahulu sama ada di peringkat sarjana muda, sarjana dan juga kajian dalam jurnal mahupun buku-buku. Banyak aspek berhubung al-Quran telah dikaji seperti aspek hafazan, *qirā'āt*, tajwid, tarannum dan lain-lain. Berhubung hafazan secara khusus, didapati ada beberapa kajian telah dilakukan.

Antara kajian tersebut ialah kajian Abdul Mutalib Hussain yang bertajuk “*Pengajian Tahfiz al-Quran :Satu Kajian Di Ma‘ahad Tahfiz al-Quran Wal*

***Qira'at, Pulau Pinang***<sup>2</sup> yang merupakan suatu kajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya (sesi 2002/2003). Kajian ini membincangkan mengenai sistem pengajian al-Quran yang dilaksanakan di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qira'at, Pulau Pinang. Tidak banyak penemuan yang dapat dikutip daripada kajian tersebut kerana beliau hanya mencatatkan dan memperihalkan apakah sistem pengajian tahfiz al-Quran di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qira'at, Pulau Pinang dan bagaimanakah ianya dilaksanakan. Ia merangkumi perbicaraan tentang sistem akademik, sistem pembelajaran, sistem peperiksaan, struktur kursus, klasifikasi kursus dan lain-lain.

Sementara itu, ada satu lagi kajian berhubung hafazan al-Quran iaitu kajian yang dilakukan oleh Masahuri binti Sampe yang bertajuk: ***Keberkesanan penghafalan al-Quran : Satu kajian Di Maahad Tahfiz al-Quran al-Itqan***<sup>3</sup>, yang juga merupakan kajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya (sesi 2001/2002). Kajian tersebut memberi tumpuan terhadap metode yang diguna pakai di Maahad Tahfiz al-Quran al-Itqan. Ia meneliti faktor-faktor utama keberkesanan hafazan al-Quran di maahad tersebut yang dianggap oleh sesetengah pihak sebagai sangat berkesan. Beliau menggunakan metode soal selidik terhadap para pelajar, temuramah dengan tenaga pengajar dan ibu bapa pelajar maahad tersebut.

---

<sup>2</sup> Abdul Mutalib Hussain (2002/2003).*Pengajian tahfiz al-Quran : satu kajian di Ma'ahad Tahfiz al-Quran Wal Qira'at, Pulau Pinang*" Latihan Ilmiah Jabatan Al-Quran dan al-Hadith Bahagian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>3</sup> Masahuri binti Sampe(2001/2002). *Keberkesanan penghafalan al-Quran : satu kajian di Ma'ahad Tahfiz al-Quran al-Itqan*, Latihan Ilmiah Jabatan Al-Quran dan al-Hadith Bahagian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Dalam kajian berkenaan, Masahuri binti Sampe telah menyimpulkan bahawa faktor utama keberkesanan hafazan al-Quran di Maahad Tahfiz al-Quran al-Itqan terletak pada metode atau kaedah hafazan yang dibangunkan sendiri oleh pengasasnya iaitu Ustaz Shafie. Menurut kaedah tersebut seseorang pelajar akan diberikan bacaan *nażīrah*<sup>4</sup> sebelum diberikan tugas mengulangi ayat tersebut mengikut keperluan jadual ulangan yang dibekalkan kepada setiap pelajar. Jadual tersebut akan dicatit di rumah oleh ibu bapa atau penjaga pelajar berkenaan yang sekaligus bertindak sebagai orang yang mengawal selia terhadap proses hafazan. Ayat-ayat yang telah dihafaz dan dicatitkan itu akan *ditasmi*'kan kepada guru *muḥaffiẓ* di dalam kelas pada keesokan harinya.

Justeru itu adalah amat mustahak untuk kajian ini meneliti apakah pula kaedah hafazan yang digunakan di MTAQPC dan apakah kaedah tersebut berbeza dengan kaedah yang digunakan oleh Maahad Tahfiz al-Quran al-Itqan. Sama ada kaedah hafazan Masahuri binti Sampe di kedua-dua maahad tersebut ada persamaan atau perbezaan, namun sesuatu yang sangat pasti ialah bahawa di sana masih ada lompong dari segi *mawdū‘* yang dikaji kerana kajian Mahasuri binti Sampe tidak mengkaji kesan hafazan terhadap kecemerlangan pelajar sebagaimana yang dicadangkan oleh *proposal* kajian ini.

---

<sup>4</sup> Maksudnya kelas pra tahfiz, tempoh berada di kelas ini adalah selama 4 bulan hingga 1 tahun. Ia bergantung kepada kemampuan pelajar, sekiranya pelajar menunjukkan minat yang mendalam dan mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang, maka pihak sekolah akan memendekkan tempoh tersebut. Lihat Md. Romzi Abdullah (1999) *Tahfiz Al-Quran dan Tarbiyahnya dalam melahirkan Para Huffaz yang berwibawa: Kajian Khusus di Madrasah Al-Quran Kubang Bujuk, Kuala Terengganu*, Latihan Ilmiah Pengajian Islam UKM, h. 25.

Md. Romzi Abdullah (1999) pula menulis dalam Latihan Ilmiah yang berjudul “*Tahfiz Al-Quran dan Tarbiahnya dalam melahirkan Para Huffaz yang berwibawa: Kajian Khusus di Madrasah Al-Quran Kubang Bujuk, Kuala Terengganu*”,<sup>5</sup> beliau memfokuskan kepada metodologi yang bersepadu dan efektif dalam membantu pelajar menghafal al-Quran dalam tempoh yang singkat yang digunakan Madrasah Al-Quran Kubang Bujuk dan menjelaskan sistem tarbiah di aplikasikan oleh mereka bagi menguatkan mental dan diri para pelajar agar kesannya tersebut dapat melahirkan para huffaz yang mempunyai sahsiah yang tinggi dan menghayati al-Quran dalam kehidupan . Ini dapat memberi pendedahan kepada penulis bagi mengembangkan idea dalam menulis disertasi ini dengan melihat metode yang dilaksanakan.

Ahmad Dasuki Hashim membincangkan dalam Latihan Ilmiahnya berkaitan “*Perbezaan Maahad Tahfiz Swasta dan Kerajaan : Suatu Kajian di Institut Al-Quran Kuala Lumpur dan Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*”<sup>6</sup>. Beliau membahaskan perbezaan antara kedua tahfiz tersebut dari segi latar belakang, sistem pengurusan dan sistem pembelajaran yang dilaksanakan. Ini dapat memberi pendedahan kepada penulis bagi mengkaji dengan lebih lanjut latar belakang dan sistem pembelajaran yang digunakan di MTAQ.

---

<sup>5</sup> Md. Romzi Abdullah (1999) *Tahfiz Al-Quran dan Tarbiahnya dalam Melahirkan Para Huffaz yang Berwibawa: Kajian Khusus di Madrasah Al-Quran Kubang Bujuk, Kuala Terengganu*, Latihan Ilmiah Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>6</sup> Ahmad Dasuki Hashim (2001/2002) *Perbezaan Maahad Tahfiz Swasta dan Kerajaan : Suatu Kajian di Institut Al-Quran Kuala Lumpur dan Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)* Latihan Ilmiah Jabatan Al-Quran dan al-Hadith Bahagian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Seterusnya Suhaimi Sulaiman (2008) pula telah membahaskan dalam Disertasi Sarjananya yang bertajuk “*Pemahaman Akidah Pelajar-Pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wa Al-Qiraat Pulai Chondong, Kelantan.*”<sup>7</sup> Walaupun beliau juga mengkaji di MTAQ tetapi beliau menumpukan dari aspek pemahaman akidah para pelajarnya bukan dilihat dari sudut kecemerlangan yang diperolehi oleh pelajar di sekolah tersebut. Walau bagaimanapun disertasi ini banyak menolong penulis bagi mengetahui latar belakang MTAQ itu sendiri dengan lebih terperinci.

Sementara itu, Abdul Rahman al-Qari Bin Abdullah telah mengkaji pada peringkat Ijazah Sarjana, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya (2003) bertajuk : “*Bacaan al-Quran menurut Qirā’āt Nāfi‘: Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong, Kelantan*”<sup>8</sup> Kajian ini lebih bertumpu kepada aplikasi bacaan *Qirā’āt* menurut *Qirā’āt Nāfi‘* di maahad tersebut, dan tidak menyentuh aspek hafazan al-Quran dan kesannya terhadap mana-mana aspek dalam kehidupan pelajar atau dalam mempengaruhi proses pembelajaran di maahad terbabit.

Justeru, dengan wujudnya lompang berkenaan, amat wajar dilakukan satu kajian untuk mengenal pasti apakah benar ada kesan positif hasil hafazan al-Quran terhadap kecemerlangan pelajar di maahad berkenaan? Oleh itu, dicadangkan tajuk berikut sebagai tajuk kajian ini, iaitu: *Hafazan Al-Quran Dan Hubungannya*

---

<sup>7</sup> Suhaimi Sulaiman (2008) *Pemahaman Akidah Pelajar-Pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wa Al-Qiraat Pulai Chondong, Kelantan*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Universiti Malaya.

<sup>8</sup> Abdul Rahman al-Qari Bin Abdullah (2003) *Bacaan al-Quran menurut Qirā’āt Nāfi‘: Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong, Kelantan*. Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan al-Hadith Bahagian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

*Dengan Kecemerlangan Pelajar : Kajian di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong, Kelantan dari Tahun 1997 hingga 2007.*

Memandangkan MTAQPC sudah dinobatkan sebagai antara sekolah terbaik sama ada di peringkat negeri Kelantan mahupun di peringkat kebangsaan, maka adalah amat wajar untuk dikaji secara mendalam apakah metode yang digunakan di maahad berkenaan? Dan apakah berkemungkinan metode berkenaan berbeza berbanding maahad-maahad tahfiz lain yang ada di seluruh negara sehingga mampu melahirkan para pelajar tahfiz al-Quran yang cemerlang dalam pendidikan sekaligus meraih beberapa anugerah kecemerlangan. Semua faktor ini mendorong, mewajarkan dan menjustifikasikan keperluan dijalankan satu kajian diadakan di MTAQPC bagi melihat kebenaran andaian tersebut dan mengukur sejauhmana pula kesan yang diandaikan itu mendapat pengaruhnya hasil daripada hafazan al-Quran.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Dalam menelusuri kajian ini, penyelidikan yang akan dijalankan akan lebih bersifat deskriptif kualitatif (*manhaj dirāsah wasfiyyah*).<sup>9</sup> Penelitian deskriptif secara umumnya adalah satu penelitian bukan eksperimen. Ia bermaksud untuk mengumpulkan informasi mengenai status sesuatu gejala yang ada, iaitu keadaan gejala menurut apa adanya pada ketika penelitian dilakukan. Ia tidak memerlukan

---

<sup>9</sup> Lihat Suharsimi Arikunto (Prof. Dr.), (2000), *Manajemen Penelitian*, Jakarta: Penerbit Rineka Cipta, h. 309-310.

administrasi dan pengawalan terhadap perlakuan. Ia juga tidak bermaksud menguji hipotesis tertentu, tetapi hanya menggambarkan “apa adanya” tentang sesuatu variabel, gejala atau keadaan.<sup>10</sup>

Berhubung kualitatif, kadang kala istilah inkuiiri, penelitian alamiah atau naturalistik digunakan untuk menggambarkan istilah ini. Secara umumnya, menurut Bogdan dan Taylor (1975:5) metodologi kualitatif bererti prosedur penelitian yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata bertulis atau lisan dari orang-orang dan perilaku yang dapat diamati. Sejajar dengan definisi tersebut, Kirk dan Miller (1986:9) mendefinisikan bahawa penelitian kualitatif adalah tradisi tertentu dalam pengetahuan sosial yang secara fundamental bergantung kepada pengamatan terhadap manusia dalam kawasannya sendiri dan berhubungan dengan orang-orang tersebut dalam bahasanya dan dalam peristilahannya.<sup>11</sup>

Sehubungan itu, metode pengumpulan data dalam kajian ini merangkumi beberapa perkara:

### **1.8.1 Kajian Perpustakaan**

Kajian ini adalah kajian deskriptif kualitatif yang secara umumnya akan menumpukan kepada metode kajian kepustakaan untuk memperoleh data-data yang

---

<sup>10</sup> *Ibid.*,h. 310-311.

<sup>11</sup> Lihat Lexy J. Moleong (1993), *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya, h. 3.

diperlukan bagi menyokong dan memantapkan kajian. Untuk memperoleh sejumlah data yang bersumber daripada perpustakaan, akan digunakan metode penyelidikan perpustakaan (*library research*), iaitu dengan memperoleh, membaca, mentelaah serta mencatat teori-teori yang bersumber daripada buku-buku, jurnal, monograf, buletin dan pelbagai terbitan media cetak lainnya sebagai sumber-sumber, untuk mengangkat teori-teori yang mempunyai kaitan dan relevan dengan masalah yang diteliti. Sumber primer akan diperoleh daripada MTAQPC sendiri, terutamanya buku-buku rekod pelajaran (pencapaian akademik), rekod disiplin dan rekod kegiatan kurikulum pelajar untuk mengukur kecemerlangan yang bersepadu yang menggabungkan aspek akademik dan aspek sahsiah. Rekod daripada Yayasan Islam Kelantan dan Jabatan Pendidikan Negeri (Kementerian Pelajaran Malaysia) juga akan diteliti untuk tujuan membantu proses pengukuran tahap pencapaian kecemerlangan pelajar maahad berkenaan.

### **1.8.2 Penyelidikan IT (Teknologi Maklumat)**

Untuk tujuan pengukuhan, sedikit maklumat atau data tambahan akan dikutip melalui IT (*internet*). Ia diharap dapat membantu Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*) yang dilakukan bagi mengukuhkan data-data sedia ada berhubung kajian ini.

### **1.8.3 Kajian Lapangan**

Penyelidikan perpustakaan di atas akan diperkuuhkan, didukung dan disokong dengan penyelidikan lapangan (*field research*). Penyelidikan lapangan (*field research*) merupakan usaha mempelajari secara intensif tentang latar belakang keadaan sekarang serta interaksi lingkungan sesuatu lapangan (lokasi tertentu).<sup>12</sup> Dalam kajian ini lapangan yang dipilih adalah lingkungan MTAQPC sahaja secara khusus. Ia bertujuan untuk mengkaji tentang sejauh manakah kesan hafazan al-Quran terhadap kecemerlangan yang diraih oleh para pelajar dan maahad berkenaan, sama ada kecemerlangan akademik, kegiatan ko-kurikulum dan juga kecemerlangan sahsiah. Metode kajian lapangan yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik, observasi dan temubual.

#### **1.8.3.1 Soal Selidik.**

Kajian ini cuba mengenal pasti apakah ada hubung kait antara hafazan al-Quran dengan kecemerlangan bersepadu di kalangan pelajar MTAQPC. Soal selidik adalah antara instrumen terpenting dalam kajian ini di samping instrumen penelitian mendalam terhadap buku-buku rekod pelajaran (pencapaian akademik), rekod disiplin dan rekod kegiatan ko-kurikulum pelajar. Justeru, soalan yang diedarkan kepada responden adalah soalan yang akan direka bentuk khusus untuk mencapai matlamat kajian ini.

---

<sup>12</sup> Sumadi Suryabrata, (1992), *Metodologi Penelitian*, Jakarta: Rajawali Pers., cet. 7, h. 22.

### **1.8.3.2 Observasi.**

Secara umum, observasi itu ialah interaktif antara penyelidik dengan sesuatu yang dikaji, dan ada pengaruh hambatan timbal balas. Kerana itu, seseorang penyelidik harus menganggap sesuatu atau seseorang yang diobservasi sebagai subjek, mereka berinteraksi, segala sesuatunya indeterminan. Penyelidik dan yang diobservasi sama-sama membangun data kajian.<sup>13</sup> Justeru, penyelidik melibatkan diri secara langsung dengan mengadakan peninjauan (pengamatan terlibat) untuk memahami persoalan yang berkaitan dengan objek kajian, terutama berhubung dengan keadaan umum lokasi penyelidikan dan gejala-gejala lain yang berkembang di kawasan kajian. Kesempatan pengamatan ini dipilih pada ketika berlangsungnya kegiatan yang dijalankan oleh masyarakat setempat di kawasan kajian itu. Pengumpulan data dalam pengamatan partisipan adalah dengan melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan yang berlaku, melihat, mendengar dan mencatat data-data yang dianggap perlu untuk mendukung perbahasan kajian ini nantinya.<sup>14</sup> Berkenaan variabel-variabel yang ingin diobservasikan sudah tercatat dalam Rajah I : Variabel-variabel Penelitian.

### **1.8.4.3 Temubual.**

Temubual ialah percakapan dengan maksud tertentu yang dilakukan antara penemubual (*interviewer*) yang mengemukakan pertanyaan dan orang yang ditemubual (*interviewee*) yang memberikan jawapan kepada pertanyaan itu. Tujuan

---

<sup>13</sup> H. Noeng Muhamir (Prof. Dr.) (2000), *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Yogyakarta: Rake Saras, edisi iv, h. 158.

<sup>14</sup> Koejaraningrat (1990), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Pn. PT. Gramedia Pustaka Utama, cet. 10, h. 129-156.

temubual seperti yang dinyatakan oleh Lincoln dan Guba, antara lain membina tanggapan mengenai orang, kejadian, kegiatan, organisasi, perasaan, motivasi, tuntutan, keperihatinan dan lain-lain tanggapan; membina semula tanggapan tentang tanggapan-tanggapan demikian sebagaimana yang dialami pada masa lalu, menyorot tanggapan-tanggapan sebagaimana yang telah diharapkan, untuk dialami pada masa akan datang; menguji, mengubah dan memperluaskan pembinaan tanggapan yang diperoleh dari orang lain, baik manusia maupun bukan manusia (triangulasi) dan lain-lain.<sup>15</sup> Justeru, temubual bolehlah dianggap sebagai mengadakan komunikasi langsung antara penyelidik dengan subjek atau sampel,<sup>16</sup> iaitu beberapa orang yang ditetapkan sebagai sampel dan informan yang dapat mewakili populasi.<sup>17</sup> Sampel menurut Herman Wasito<sup>18</sup> dalam konteks ini bermaksud contoh, iaitu mewakili sebilangan daripada seluruh yang menjadi objek kajian dan merupakan suatu reduksi terhadap objek kajian. Berkenaan variabel-variabel yang ingin dikaji sudah tercatat dalam Rajah I : Variabel-variabel kajian.

Berhubung dengan *sampling* dalam kajian ini, akan diambil satu jenis *sampling* sahaja iaitu *purposive sampling*. Dasar pengambilan sampel *purposive sampling* adalah pada populasi yang nampak homogen dengan mata penyelidik yang tajam tampak heterogenitas yang terjadi secara sistematik.<sup>19</sup> Ia dilakukan dengan mengambil orang-orang yang terpilih betul oleh penyelidik menurut ciri-ciri spesifik

<sup>15</sup> Lihat Lexy J. Moleong, *op.cit.* h. 135.

<sup>16</sup> Winarso Surakhmad (Prof. Dr.) (1985), *Pengantar Penelitian Ilmiah*, Bandung: Penerbit Tarsito, edidi 7, h. 174.

<sup>17</sup> Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Moh Nazir (Dr.) (1988), *Metode Penelitian*, Jakarta: Ghalia Indonesia, c. 3, h. 234-245.

<sup>18</sup> Herman Wasito (1993), *Pengantar Metodologi Penelitian Buku Panduan Mahasiswa*, Jakarta: Pn. PT. Gramedia Pustaka Utama, cet. II, h. 54-55.

<sup>19</sup> H. Noeng Muhamid, *op.cit.*, h. 64.

yang dimiliki oleh sampel itu<sup>20</sup>. *Purposive sampling* digunakan dalam kajian ini kerana didapati ada pertimbangan-pertimbangan yang wajar dalam pemilihan tersebut.<sup>21</sup> Kewajaran yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini ialah bahawa hanya sampel terpilih itu sahaja yang mampu memberikan maklumat berhubung kajian ini, iaitu tentang pelbagai kaitan berhubung dengan pengajian *al-Quran* di MTAQPC, kaedah hafazan *al-Quran* dan kesan yang mereka alamai hasil hafazan tersebut. Sampel-sampel lain yang jika diambil secara rawak tidak akan memberikan apa-apa faedah untuk mencapai matlamat kajian ini. Di antara sampel dalam kajian ini ialah:

- i. Guru yang terlibat secara langsung dengan pendidikan, pengajian dan pembelajaran di MTAQ.
- ii. Para pelajar MTAQPC. Disebabkan pelajar MTAQPC agak ramai dan sebilangan daripada mereka dirasakan tidak mungkin dapat membantu kajian ini, maka *sampling* yang dipilih hanya membabitkan pelajar yang telah menduduki peperiksaan pada peringkat persijilan PMR, SMU, SPM. Hanya pelajar pada peringkat ini sahaja diyakini akan mampu memberikan jawapan tepat terhadap persoalan kajian disertasi ini.
- iii. Bekas pelajar MTAQPC yang telah berjaya memperolehi sijil daripada MTAQPC.

---

<sup>20</sup> S. Nasution (Prof. Dr.) (2001), *Metode Research*, Jakarta: PT Bumi Aksara, edisi 4, h. 98.

<sup>21</sup> Lihat Suharsimi, *op.cit.*, h. 128. Untuk meneliti ciri-ciri sampel *purposive*, sila lihat H. Noeng Muhamir, *op.cit.*, h. 166-167.

Rajah I: Variabel-Variabel Kajian

Variabel	Kepustakaan	Kajian Lapangan		
		TB	O	Q
1. Kaedah pengajaran (al-Quran dan subjek-subjek akademik)	X	X	X	X
2. Kaedah hafazan al-Quran	X	X	X	X
3. Proses pembelajaran	X	X	X	X
4. Latar belakang MTAQ	X	X		
5. Aspek kecemerlangan	X	X	X	X
6. Hubung kait hafazan al-Quran dengan kecemerlangan		X	X	X
7. Pengaruh al-Quran dalam kehidupan pelajar		X	X	X
8. Pengaruh al-Quran dalam akademik pelajar		X	X	X
9. Lain-lain	X	X	X	X

## 1.9 PENGANALISAAN DATA

Dalam menganalisis data beberapa pendekatan akan digunakan, antaranya ialah pendekatan historiografi (*manhaj tā’rikhīyy*) digunakan untuk melihat latar

belakang sejarah awal MTAQ sebelum muncul sebagai antara sekolah cemerlang di negeri Kelantan. Manakala pendekatan deduktif (*manhaj istiqrā'iyy*) pula digunakan untuk mengamati rekod-rekod yang ada sebagai rumusan-rumusan ke arah mengukur dan menilai kecemerlangan pelajar MTAQPC. Kemudian dibuat perbandingan (*muqāranah*) dan kritikan (*naqdiy*) terhadap data-data atau dapatan-dapatan yang telah diperoleh agar memenuhi tuntutan beberapa pihak yang berbeza pandangan dalam menangani sesuatu persoalan tertentu, terutamanya tentang bagaimana menanggapi konsep kecemerlangan dan bagaimana pula untuk mengukur kecemerlangan serta hubung kaitnya dengan hafazan al-Quran dalam kehidupan pelajar MTAQPC. Oleh yang demikian, pendekatan *manhaj tarbawiy* turut digunakan untuk menganalisis isu-isu pendidikan yang terdapat dalam kajian ini.

Selanjutnya teknik penulisan data tesis ini adalah berpedomankan Buku Garis Panduan Penulisan Laporan Penyelidikan, Disertasi & Tesis 2003 yang telah dikeluarkan oleh Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya serta hasil karya buku-buku metode penyelidikan para ahli yang lain. Berhubung terjemahan ayat-ayat al-Quran, secara umumnya akan berpandukan kepada *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, keluaran Dar al-Kitab-Malaysia, JAKIM, Kuala Lumpur.

## **1.10 DEFINISI KAJIAN**

Kajian yang ingin di ketengahkan oleh penyelidik bertajuk: **HAFAZAN AL-QURAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN KECEMERLANGAN PELAJAR : KAJIAN DI MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAAT PULAI CHONDONG, KELANTAN DARI TAHUN 1997 HINGGA 2007.** Sebelum kajian ini di bincangkan secara terperinci, adalah perlu penyelidik menerangkan lebih dahulu definisi tajuk kajian.

### **1.10.1 HAFAZAN**

Adalah sesuatu perbuatan / amalan mengingati ayat-ayat suci al-al-Quran iaitu masuk betul-betul ayat suci al-Quran di dalam ingatan . Al-Quran itu dapat dibaca oleh si pembaca keseluruhannya tanpa dengan melihat kitab(al-Quran).<sup>22</sup>

### **1.10.2 AL-QURAN**

Merupakan kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW sebagai panduan hidup manusia di dunia dan di akhirat.<sup>23</sup> Istilah yang diberikan kepada al-Quran yang disepakati oleh ulama-ulama *usūl, fuqaha'* dan

---

<sup>22</sup> Baharom, Hajjah Noresah (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga.*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. III, h. 426.

<sup>23</sup> *Ibid.*h. 31.

ahli bahasa ialah “al-Quran adalah Kalam Allah SWT di dalam bahasa Arab yang melemahkan bangsa ‘Arab yang petah lidahnya, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW ditulis didalam mashaf yang disampaikan secara mutawatir, membacanya adalah sebagai ‘ibadah.”<sup>24</sup>

### **1.10.3 KECEMERLANGAN**

Merupakan sesuatu kejayaan atau keputusan yang diperolehi hasil dari usaha dan titik peluh seperti, keputusan dalam peperiksaan.<sup>25</sup> Kecemerlangan dalam kajian ini adalah kecemerlangan pelajar dalam akademik dan sahsiah.

### **1.10.4 MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAAT PULAI CHONDONG**

Merupakan lokasi penyelidik melakukan kajian.<sup>26</sup> Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong adalah salah sebuah sekolah yang di bawah kelolaan serta pentadbiran Yayasan Islam Kelantan(YIK). Ia juga merupakan sekolah yang berasrama penuh. Para pelajarnya terdiri dari tingkatan satu sehingga ke tingkatan enam dan menawarkan pendidikan bersepadu iaitu integrasi pengajian tahfiz, akademik dan bahasa Arab.

---

<sup>24</sup> Subhi Salleh (Dr.) (1978) *Kajian al-Quran*. Zainal Abidin Abdul Kadir (terj.), c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 8.

<sup>25</sup> Baharom, Hajjah Noresah (2002), *op.cit*, h. 224.

<sup>26</sup> Muhammad Ismail Nik Zulkifli (2004), “Al-Hahfiz”Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan, Kuala Lumpur : Menara Telekom, cet.7, h.1- 16.

## **1.11 SISTEMATIKA PENULISAN**

Disertasi ini dibahagikan kepada 5 bab yang membincangkan tentang:

**BAB 1:** Bab ini merupakan bab pendahuluan yang memperincikan mengenai latar belakang masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, bidang dan skop kajian, mengulas tentang penulisan serta kajian terdahulu yang berkaitan dengan masalah kajian secara ringkas, menyingkap tentang metedologi penyelidikan dan akhirnya sistematika penulisan.

**BAB 2:** Bab yang kedua menjelaskan tentang landasan teori. Ianya menyentuh tentang definisi al-Quran, sejarah pembukuan al-Quran, penghafalan al-Quran di kalangan sahabat dan golongan tabien, metode penghafalan al-Quran dan kelebihan serta keistimewaan penghafal al-Quran.

**BAB 3:** Bab ketiga pengenalan serta sejarah Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong, Kelantan (MTAQPC) dan kaedah penghafalan..

**BAB 4:** Bab keempat merupakan analisis dari sudut hafazan al-Quran dan hubungannya dengan kecemerlangan pelajar di Maahad Tahfiz ini iaitu dengan memfokuskan pada kesan penghafalan terhadap kecemerlangan pelajar.

**BAB 5:** Bab kelima yang merupakan bab terakhir merumuskan keseluruhan kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong, Kelantan.